

Headline	Iklan TNB rai Syawal cara normal baharu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 May 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	19
ArticleSize	394 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nor Azizah Mokhtar
PR Value	RM 39,290		



# Iklan TNB rai Syawal cara normal baharu

Filem pendek tampil pengorbanan rakyat ketika PKP, terap nilai positif

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan tradisi menceria sambutan Syawal dengan menerbitkan iklan raya diadaptasi daripada suasana terkini masyarakat berkurung di rumah bagi membendung penularan COVID-19.

Menerusi filem pendek bertajuk *Semangat Raya Epik Fantastik*, TNB menampilkan hakikat pengorbanan masyarakat dalam mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), selain menerapkan nilai positif yang relevan dengan

sambutan Aidilfitri.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab Rahman, berkata filem pendek itu secara tidak langsung menonjolkan PKP membuka pintu kepada pelbagai kemahiran baharu yang tidak pernah dicuba sebelum ini.

Katanya, dengan mematuhi arahan duduk di rumah sepanjang PKP, masyarakat lebih menghargai perkara kecil dan kebebasan dimiliki selama ini.

“Suasana terperap di kediaman masing-masing juga membolehkan kita melakukan perkara diambal mudah selama ini.

“Keadaan ini menjadikan kita kreatif, mencuba pelbagai perkara tidak pernah dilakukan dan sebenarnya ramai dalam kalangan kita mempunyai bakat terpendam.

“Masa terluang membolehkan kita mendalami ilmu dan kemahiran yang kita tidak terfikir selama ini,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagi yang berkeluarga, katanya,



**Filem pendek itu secara tidak langsung menonjolkan PKP membuka pintu kepada pelbagai kemahiran baharu yang tidak pernah dicuba sebelum ini.**

**Roslan Ab Rahman,**  
Ketua Pegawai Korporat TNB



Filem pendek bertajuk 'Semangat Raya Epik Fantastik' boleh ditonton di YouTube rasmi TNB, TENAGAofficial.

PKP memberi ruang dan peluang untuk mengeratkan semangat keluarga, pada masa sama, menguji serta mempertingkatkan sifat kesabaran.

Mengulas proses penghasilan iklan raya berkenaan, Roslan berkata, kali ini ia unik kerana sesi penggambaran seperti lazimnya tidak dapat dilakukan berikutan PKP.

Justeru, katanya, setiap babak perlu diambil sendiri oleh watak seperti dimahukan pengarah.

“Mesej Aidilfitri TNB ini boleh ditonton menerusi saluran YouTube rasmi TNB, TENAGAofficial, bermula hari ini (semalam).

“Tajuk *Semangat Raya Epik Fantastik* adalah kesinambungan filem pendek TNB pada setiap sambutan Aidilfitri sejak beberapa tahun lalu,” katanya.

Penonton juga boleh menggunakan pelbagai GIF menarik di Instagram dan ucapan hari raya yang menarik untuk dikongsikan bersama.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Bername - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Human Resource (Human Resource)	1	0	RM 0
PLUS - MCO (PLUS - MCO)	1	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	10	0	RM 0